



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

**PENGHASILAN KARYA CATAN LANDSKAP DI MALAYSIA -
KAJIAN KARYA JOHAN MARJONID**

Mohd Affwan Izam bin Romli

Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Seni Halus)
2007

**PENGHASILAN KARYA CATAN LANDSKAP DI MALAYSIA -
KAJIAN KARYA JOHAN MARJONID**

MOHD AFFWAN IZAM BIN ROMLI

Projek ini merupakan salah satu keperluan
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Seni Halus)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2007

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS / LAPORAN

JUDUL: PENGHASILAN KARYA CATAN LANDSKAP DI MALAYSIA -
KAJIAN KARYA JOHAN MARJONID

SESI PENGAJIAN : 2004 / 2007

Saya MOHD AFFWAN IZAM BIN ROMLI

mengaku membenarkan tesis / Laporan* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis / Laporan adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis / laporan ini sebagai pertukaran bahan antara institusi pengajian tinggi
5. * sila tandakan

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub dalam **AKTA RAHSIA RASMI 1972**)

TERHAD

(mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh Organisasi / badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan

Tandatangan Penulis

Tarikh:

Tandatangan Penyelia

Tarikh:

Alamat tetap: No.5, Jalan Berembang 3,
R.P.A Simpang Empat,
02700 Simpang Empat,
Perlis Indera Kayangan.

Catatan: * Tesis / Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda

* Jika Tesis / Laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa / organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis / laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD

Projek bertajuk “ **Penghasilan Karya Catan Landskap di Malaysia – Kajian Karya Johan Marjonid** ” telah disediakan oleh **Mohd Affwan Izam bin Romli** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (Seni Halus)

Diterima untuk diperiksa oleh:

(En. Wan Jamarul Imran Wan Abdullah Thani)

Tarikh: _____

PENAKUAN

Saya mengaku bahawa tiada bahagian daripada penyelidikan dalam disertasi ini telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk sesuatu ijazah atau kelulusan samada kepada universiti ini atau institut pengajian tinggi yang lain.

(Mohd Affwan Izam bin Romli)

No. Matrik: 12402

Penghargaan

Bismillahirrahmanirrahim...

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya maka dapatlah kajian ini disiapkan seperti mana yang dikehendaki. Sesungguhnya peluang menimba ilmu khasnya di Jabatan Seni Visual dan Teknologi, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, UNIMAS amat berharga dan cukup bernilai. Dikeempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada pensyarah selaku penyelia pertama saya iaitu En. Wan Jamarul Imran Wan Abdullah Thani “...*encik memang ‘ayah no.2’ saya kat sini...terima kasih sebab selalu dok marah-marah dan berleter kat saya...*”. Kepada pensyarah selaku penyelia kedua saya iaitu En. Yakup bin Mohd Rafee “...*memang saya tabik spring lah!!!...*”. Setinggi-tinggi penghargaan juga buat para pensyarah Jabatan Seni Visual dan Teknologi yang diketuai oleh Tuan Haji Zulkalnain Zainal Abidin, En. Anuar Ayob, dan En. Awangko Hamdan Awang Arshad. “...*anda semua adalah yang terbaik! Hanya Allah yang dapat membalas budi dan jasa kalian selama saya belajar di Unimas...*”.

Buat insan tersayang iaitu ayahanda Romli bin Hashim, bonda Aisyah bt Dogol, adik-adikku yang tersayang...Mohd Iffzul, Puteri Nur Ernalissa dan Umi Izzati, Tok, Wa, Maksu, Paksu, Pakcik Din (Pelukis Perlis), Dr. Andrew Ragai (Fakulti Kejuruteraan), Abang Johan Marjonid “...*halalkan makan minum dan segala ilmu yang abang dah berikan pada saya sepanjang praktikal dulu, terima kasih banyak-banyak...*”, En. Mohd Johari Ab. Hamid, Cikgu Fazilah, Cikgu Sabariah dan Cikgu Rosmina, “...*terima kasih kerana begitu memahami, sentiasa memberi dorongan serta semangat sepanjang pengajian saya di sini, kalian sentiasa di hati dan kejayaan ini adalah kejayaan kita bersama.*” Peluang ini juga saya ingin menyampaikan bebanyak terima kasih kepada Supia, Madan “...*Pok, kelak aku pinjam moto gik, mok agak Everrise...heee..*”, Brazil, Ijan, Tay, Mala, Lan, Ira, Nami, Wawa, Idah, ”...*cayalah ngan hangpa semua. Banyak dok tolong aku sepanjang kita belajaq kat sini. Memang takleh lupa la jasa hangpa semua. Kalau nak pi Perlis jangan lupa habaq awai-awai tau...bleh pakat-pakat pekena laksa Kuala Perlis! Sedap tuuu...*”

Buat rakan-rakan sekelas tiada apa yang dapat saya nyatakan cuma, *“...sesungguhnya ikatan di antara kita bukan sekadar teman sekelas selama tiga tahun sahaja malah ia berkekalan hingga akhir hayat ini.”* ...jangan lupa memori April Fool dulu ek...hehehe...jangan marah...nostalgia semua tu, simpan kenangan tu baik-baik. Tapi memang takleh lupa la... masing-masing tunduk tengok lantai bila selalu dok kena bambu ngan pensyarah kan...tapi semangat tu tetap membara dalam mencapai tahap yang tertinggi cuma nasib jer belum menyebelahi. Apa pun tahniah sebab berjaya mengharungi segala keperitan dalam *Seni Halus*.” Tidak dilupai adik-adik junior Seni Halus yang ringan tulang untuk membantu dan rakan-rakan juga semoga sukses selalu. Tidak dilupai Kak Mama, Mel dan Eddy (Team Debat DiRaja UNIMAS) Roy, Suzy, Noamie, Mat Ni, Apeng, Al, geng-geng Produksi Teater III *“Mayat”* ...*memang best la berlakon dalam produksi korang...*” dan rakan-rakan yang banyak memberi dorongan sepanjang saya menyiapkan PTA ini, terima kasih yang tidak terhingga. Buat staf-staf FSGK terutama para juruteknik yang turut bekerja keras memberi kerjasama sepanjang PTA ini, mereka yang terlibat secara langsung mahupun sebaliknya sepanjang pengajian saya di UNIMAS, terima kasih yang tidak terhingga dan semoga kita sentiasa dirahmatiNya.

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

Penghargaan

Abstrak

BAB 1.0: Pengenalan

1.1	Pendahuluan	1-5
1.2	Objektif Kajian	6
1.3	Hipotesis Kajian	6
1.4	Fokus Kajian	7
1.5	Metodologi	8-10

BAB 2.0: Analisis Kajian

2.1	Catan Landskap dan Aliran Realisme	11-18
2.2	Pemahaman Pelukis Terhadap Catan Landskap di Malaysia	19-31
2.3	Latar Belakang Johan Marjonid	32-33
2.4	Intepretasi Johan Marjonid Terhadap Catan Landskap	34-39
2.5	Analisis Formal Karya " <i>Siri Royal Belum</i> " Johan Marjonid	40
2.5.1	Ulasan Karya " <i>Siri Royal Belum</i> "	41-45
2.6	Kesimpulan dan Keputusan	46-47

BAB 3.0: Perbincangan Karya Peribadi

- 3.1 Ulasan karya "*Lakaran dari Jiwa...Turun ke Mata*" 48-54

Bibliografi

Lampiran / Lampiran Karya Peribadi

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui pemahaman serta gaya persembahan catan lanskap oleh Johan Marjonid. Sehubungan itu, penulis telah mengkaji secara keseluruhan perjalanan seni catan lanskap yang telah berlaku di Malaysia serta menganalisa apresiasi mahupun interpretasi yang telah dipersembahkan oleh Johan Marjonid melalui karyanya. Namun bagi penulis, terjemahan terhadap catan lanskap Realisme telah diolah mengikut acuan yang berbeza. Rasa penghargaan dan kecintaan pada lanskap telah membuatkan penulis merakamnya kembali dalam gaya persembahan serta pemahaman yang tersendiri.

ABSTRACT

The purpose of this research is to understand and comprehend the presentation manner landscape painting created by Johan Marjonid. In this research, the writer examined the art of landscape painting in Malaysia and analyzed the appreciation and interpretation of landscape painting by the art of Johan Marjonid. However, the interpretation of landscape painting by Realisme has been altered with different perspectives. The gratitude and appreciation to landscape has been reflected by the writer through his own unique styles and understanding in this research.

BAB 1.0: PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

‘Saya mendekati dan memahami setiap subjek yang dilukiskan. Alam harus dilihat secara holistik dan bukan hanya dengan mata benda atau secara fizikal.’

[Johan Marjonid - Pameran Solo Melebu Alas (2005)]

Landskap adalah meliputi suatu pemandangan luaran atau permukaan bumi yang dihasilkan dari keadaan semula jadi atau binaan. Bagi menghargai peranan alam semula jadi atau landskap ini, barisan pelukis tanah air telah mentafsirkannya mengikut pemahaman yang tersendiri melalui penghasilan catan landskap Realisme ke atas kanvas.

Pengolahan elemen-elemen seni melalui catan landskap yang bersifat tradisional tetap mempunyai identiti dan peranannya yang tersendiri walaupun dihimpit dengan kewujudan pelbagai media baru dalam era teknologi ini. Namun, penghasilan catan landskap bersifat Realisme yang dihasilkan ternyata membawa pelbagai mesej yang ingin disampaikan kepada masyarakat. Penyampaian dalam bentuk rakaman semula ke atas kanvas tentang keindahan dan keunikannya, hinggalah ke pengolahan catan landskap yang hanya berunsurkan elemen simbolik, peranannya tetap sama iaitu ingin mengajak masyarakat untuk memahami, menghargai, dan menghayati peranan alam semula jadi kepada kita selama ini.

Keberkesanan penyampaian catan landskap Realisme boleh dinilai berdasarkan keupayaan elemen-elemen seni yang telah diolah oleh pengkarya itu sendiri. [Johan Marjonid (2005)] Jika dilihat dengan lebih teliti, catan landskap adalah salah satu aliran catan daripada beberapa aliran catan yang lain. Catan adalah satu penghasilan karya yang telah diolah melalui penggunaan warna ke atas kanvas.

Namun, bagi karya atau catan yang bersifat Realisme tetap mengikut lunas disiplin yang tersendiri, *'Apa yang dilihat itulah yang dilukis.'* [Falsafah dan Kritikan Seni, Mohd Johari Ab. Hamid (2005)] Perlaksanaannya yang lebih bersifat rakaman semula ke atas kanvas ternyata menolak sifat penafian objek yang dilihat melalui penglihatan visual. Landskap atau alam semula jadi adalah satu anugerah yang cukup bernilai dan berharga. Meminggirkannya bermakna kita telah menafikan kepentingannya dalam kehidupan seharian.

Penghargaan dan rakaman semula dalam bentuk penghasilan catan adalah satu kesedaran yang cukup tinggi tentang manfaatnya kepada manusia selama ini. Bermula dari barisan artis landskap Realisme seperti Abdullah Ariff, Mazli Mat Som, Jaafar Taib hinggalah ke generasi Johan Marjonid, Zaharuddin Sarbini mahupun Abdul Latif Maulan, landskap dilihat dari sudut yang pelbagai. Setiap artis mentafsirkannya mengikut pandangan dan pemahaman masing-masing melalui penghasilan catan landskap mereka.

Secara jelas alam semula jadi atau landskap menjadi inspirasi bagi pengkarya secara berterusan. Marry Hesse pernah berpendapat '*sesuatu pandangan tentang alam semula jadi adalah terpulang kepada situasi, pendapat atau perspektif*'. Dalam erti kata lain, melalui pemerhatian alam semula jadi adalah merujuk kepada keadaan fizikal, tempat dan dunia tampak itu sendiri (dunia visual). Mengikut Islam, pandangan terhadap alam semula jadi merupakan anugerah sempurna dan teratur dari Tuhan kepada hambaNya dan alam merupakan satu simbol suci – satu tanda ketuhanan (Insyirah, 2001). Dalam hadis riwayat muslim ada menjelaskan bahawa ' Sesungguhnya Allah Itu Maha Indah dan Dia Suka Kepada Keindahan'. Keindahan alam semula jadi dalam penghasilan catan landskap telah menjadi tema utama dan mendapat tempat di kalangan pelukis tempatan sejak tahun 1930an lagi.

Merujuk kepada pengkajian secara menyeluruh tentang landskap, ia mempunyai aspek yang cukup luas untuk diperbincangkan. Landskap juga boleh dikenali sebagai geografi, sejarah landskap dan landskap arkeologi. Segala persoalan dapat dilihat apabila ia dipraktikkan dan dilakukan dengan pelbagai persepsi. Perkembangan landskap banyak dipengaruhi oleh negara Jerman. Landskap mempunyai beberapa aspek dan ungkapan yang boleh diterangkan melalui bahasa. Mereka mengistilahkan landskap sebagai satu pemandangan yang wujud di atas sebidang tanah. Namun bagi orang Amerika Utara, mereka memberi tafsiran bahawa landskap merupakan satu bahan atau bentuk yang lahir dalam keadaan semula jadi.

Linton dari Jerman ada menyatakan landskap merupakan kombinasi gabungan bahan-bahan yang terdapat di bumi dan ia melibatkan ruang. Sebenarnya landskap merupakan satu perkataan dan fahaman yang mudah iaitu sesuatu bahan atau objek yang terdapat di tanah dalam bentuk-bentuk yang menarik dan cantik. Konsep landskap pada pandangan orang-orang Eropah adalah aliran daripada zaman Rom dan Jerman. Mengikut istilah masyarakat Eropah mereka menyatakan bahawa landskap merupakan sesuatu benda atau bahan yang berbentuk semula jadi seperti tumbuhan, haiwan, batu dan sebagainya. (Encyclopedia, 2000)

Penghuraian tentang landskap sentiasa berubah dari semasa ke semasa. Mikesell (1968-1980) ada meyatakan, semua bahan, tumbuhan atau hidupan lain yang terdapat di muka bumi. Pelukis landskap perlu melukis mengikut pengalaman dan situasi keadaan sekeliling yang sentiasa berubah serta mendekatkan diri dengan alam sekitar. Pengalaman dan pemerhatian yang terperinci dapat menarik serta mendekatkan diri dengan alam sekitar. Catan landskap amat menarik kerana ia wujud dan boleh dilihat dengan mata kasar. Melalui pentafsiran sedemikian dapat difahami bahawa konsep atau pemahaman terhadap landskap adalah sangat meluas dan ia boleh dikategorikan di dalam aspek kemanusiaan iaitu bergantung kepada pengucapan seseorang pelukis itu di dalam mengolah karya berbentuk landskap untuk dihayati serta difahami oleh audien dan masyarakat.

Jika dilihat pengolahan catan landskap berbentuk Realisme pada generasi Johan Marjonid sendiri, karyanya lebih bersifat naturalis dan menuntut penglihatan visual masyarakat secara terbuka tentang apa yang ingin diketengahnya. Johan Marjonid adalah antara pelukis realis naturalis yang nadir di Malaysia. Kenadiran ini amat signifikan jika dibanding dengan dominasi abstrak ekspresionis, konsep realis dan figuratif libre yang menjadi lumrah menu warga metropolis dalam suasana seni tampak dekad ini khasnya di Kuala Lumpur. [Pameran Solo Melebu Alas (2005)]

Namun apabila dilihat dengan lebih mendalam di sebalik bentuk piktorial kita akan dapati karya beliau kaya dengan metafora yang mengandungi cerminan kontras landskap tipikal bangunan-bangunan kota yang diganti dengan jalinan dan teras-teras semula jadi hutan hujan.

1.2 Objektif Kajian

Melalui kajian ini, penyelidik telah meletakkan pelbagai objektif yang tersendiri:

1.2.1 Untuk mengkaji kekuatan dari segi gaya persembahan dan cara penyampaian catan landskap yang dihasilkan oleh Johan Marjonid.

1.2.2 Mengkaji keupayaan aliran catan landskap sebagai pelantar komunikasi atau hubungan interaksi dalam menyampaikan mesej kepada masyarakat.

1.3 Hipotesis Kajian

Catan landskap lebih dikenali sebagai dokumentasi alam tetapi tetap mempunyai mesej tersirat yang boleh disampaikan melalui gaya persembahan serta cara penyampaian yang diolah secara berkesan dan sempurna di dalam setiap penghasilan karya.

1.4 Fokus Kajian

Kajian ini lebih tertumpu kepada pemahaman serta cara penyampaian karya catan landskap oleh Johan Marjonid.

1.4.1 Kepada Pengkaji

Dapat mengekalkan pelaksanaan catan konvensional yang lebih tertumpu kepada penghasilan catan landskap.

1.4.2 Kepada Masyarakat

Mengetahui serta memahami secara lebih mendalam tentang peranan dan keupayaan persembahan karya catan landskap pada era teknologi ini.

1.5 Metodologi Penyelidikan

Untuk menjayakan kajian ini, pengkaji telah menggunakan tiga kaedah dalam membuat analisis serta penyelidikan dalam memperolehi maklumat yang berkaitan:

a) Pendekatan Secara Historikal

Mengkaji secara teliti gaya persembahan seni catan *Realisme* terutamanya melibatkan catan landskap yang dihasilkan oleh Johan Marjonid. Bagi kajian yang melibatkan pendekatan seperti ini, pengkaji memahami dan meneliti secara lebih terperinci tentang pemahaman serta cara penyampaian Johan melalui karya catan landskapnya.

Pengkaji juga meneliti keupayaan penghasilan catan landskap *Realisme* dalam memainkan peranannya sebagai komunikasi lisan kedua kepada masyarakat. Selain itu, dalam pendekatan kajian yang bersifat historikal ini pengkaji juga meneliti tentang pembawaan elemen seni oleh Johan Marjonid dalam beberapa siri karyanya. Malah pengkaji juga turut mengupas cara pemahaman serta pendekatan Johan dalam menghasilkan catan landskap yang bersifat *Realisme* ini.

b) Pendekatan Secara Teoritik dan Perbandingan

Mengkaji sumber atau bahan-bahan ilmiah secara terperinci dalam memperoleh maklumat secara tepat dan sempurna. Sumber-sumber tersebut adalah berdasarkan penulisan yang mempunyai perhubungan atau perkaitan dengan penghasilan catan landskap bersifat *Realisme* oleh Johan Marjonid.

Pendekatan seperti ini membolehkan pengkaji mengetahui secara jelas berdasarkan fakta serta teori yang telah dinyatakan melalui sumber-sumber ilmiah tersebut. Bahan atau sumber rujukan ilmiah yang dimaksudkan adalah seperti katalog, buku rujukan, mahupun risalah-risalah berdaftar yang mempunyai perkaitan dengan penghasilan catan landskap *Realisme* oleh Johan Marjonid di Malaysia.

Justeru, bahan-bahan rujukan yang diperoleh dari sumber teori seperti ini dapat dijadikan sebagai perbandingan dalam melaksanakan proses kajian yang lebih teratur dan terperinci. Perbandingan yang melibatkan sumber teori ini bertujuan memastikan fakta yang diperolehi mempunyai kepelbagaian pandangan yang boleh diaplikasikan sebagai pendapat peribadi artis atau penulis tentang penghasilan sesuatu karya catan landskap di Malaysia.

c) Pendekatan Secara Praktikal

Pendekatan kajian ini adalah berdasarkan pelaksanaan kajian yang berlandaskan konsep praktikal. Hal ini melibatkan penglibatan secara praktikal pengkaji dalam memperolehi sumber atau bahan kajian secara terus. Melalui pendekatan ini, pengkaji perlu peka dengan gaya persembahan dan elemen yang perlu dipraktikkan agar ia tidak bertentangan dari konsep asal kajian.

Pendekatan ini nampak begitu mudah untuk dilaksanakan, namun pelaksanaannya memerlukan komitmen yang tinggi dari pengkaji untuk melakukan kaedah praktikal yang lebih berkesan dalam memperoleh hasil sesuatu kajian. Pendekatan secara praktikal di sini adalah melibatkan pengkaji memanfaatkan elemen-elemen seni yang sedia ada serta menghasilkannya dalam sesuatu bentuk karya landskap secara terus.

Pengaplikasian bahan dan penerokaan gaya serta elemen seni yang teliti dalam menghasilkan sesebuah karya landskap akan mewujudkan kesan interaksi secara langsung kepada pengkaji. Selain itu, pengkaji juga akan memperoleh hasil kajian secara terus tanpa ada sumber kedua sebagai perantaraan. Pengolahan serta penghasilan karya landskap yang dilakukan akan memberi manfaat kepada pengkaji di samping dapat memperolehi maklumat dan hasil kajian yang diinginkan.

BAB 2.0: ANALISA KAJIAN

2.1 Catan Landskap dan Aliran *Realisme*

Realisme juga dipanggil sebagai materialisme dan naturalisme. Jika Idealisme memandang sifat kerohanian sebagai realiti, *Realisme* pula memandang alam kebendaan sebagai realiti. Realiti melibatkan keseluruhan alam fizikal dan apa juga di luar alam fizikal seperti yang terdapat dalam fikiran tidak pula dianggap sebagai satu bentuk yang memaparkan realiti. Realiti merujuk kepada tafsiran yang menyebut tentang kebendaan yang nyata. Nilainya adalah kekal abadi yang berdasarkan kepada hukum alam. [Falsafah dan Kritikan Seni, Mohd Johari Ab. Hamid (2005)]

Mengikut mazhab *Realisme*, seniman atau guru adalah dari seorang artis serta pelajar yang berfikiran rasional. Pemahaman yang diperolehi dari sistem pembelajaran yang tersusun adalah dalam usaha memperkembangkan keupayaan minda kita untuk berfikir secara rasional dan logikal mahupun abstrak. Pendapat realis tentang dunia adalah dunia yang berasaskan objek. Manusia boleh memahami dunia ini melalui pancainderanya. Semua perkara diasaskan kepada alam semula jadi dan sememangnya perlu mengikut hukum alam. Bagi realis, tingkah laku manusia adalah rasional apabila ia akur kepada hukum alam dan apabila ia berasaskan hukum fizikal dan sosial. [Mohd Johari Ab. Hamid (2005)]

Aliran ini telah dikenal pasti bermula pada kurun ke-19, iaitu ketika berlakunya percanggahan antara era *Neoclassicism* dan *Romanticisme*. Setiap karya yang mendukung aliran *Realisme* akan lebih berfokuskan kepada kebenaran dan kehidupan seharian berbanding dengan karya *Romantisme* yang lebih menekankan unsur perasaan dan imaginasi. *Realisme* sebenarnya berasal dari Perancis, tetapi *Realisme* yang muncul di Amerika mempunyai akar yang kukuh sejak kurun ke-19.

Aliran ini sentiasa menjadi sebahagian daripada seni barat, iaitu semasa zaman Renaissance. Era ini mementingkan rupa dan bentuk secara sempurna sesuatu karya dari segi pandangan realiti tanpa mengubah subjek tersebut. Subjek utama pada era *Realisme* juga secara keseluruhannya adalah berbeza. Era *Realisme* juga cukup terkenal di Negara Perancis dan Amerika. Era ini terbahagi kepada *French Realisme* dan *Amerika Realisme*.

Gustave Courbet adalah salah seorang pelukis di French. Beliau telah dilahirkan di sebuah perkampungan kecil di Urnans berdekatan dengan sempadan French-Swiss. Merupakan pelopor atau bapa kepada pergerakan yang menceburi bidang lukisan catan semasa era *Neo-Baroque Romantic* pada awal 1840an. '*The Barbizon School*' merupakan sebuah sekolah yang dipengaruhi oleh Constable, beliau merupakan seorang pelukis yang lebih handal dalam melukis sesuatu karya yang berunsur realistik. Terdapat karya lain lagi iaitu '*Misty Tree*' yang diolah oleh Jean-Baptiste Camille Corot yang merupakan pelukis sejak tahun 1796 hingga tahun 1875. "*Peasant Portraits*" pula merupakan karya yang dihasilkan oleh Jean-Francais Millet. Beliau lahir dari keluarga petani.

Homer merupakan salah seorang pelukis *Realisme* muncul di Amerika. Beliau merupakan seorang pelukis yang berbakat, yang mementingkan apa yang beliau lihat, itu yang akan dilukis. Sebagai seorang pelukis pada zaman perang sivil, beliau telah menghasilkan ilustrasi kehidupan dalam khemah. Pada usia 27 tahun, beliau mula menceburi bidang lukisan yang menggunakan cat minyak. Terdapat satu karya lain lagi iaitu "*Portraits of High Society*" karya ini merupakan karya potret pelukis yang terakhir sebelum kamera dicipta.

Perkembangan seni lukis sememangnya bertitik tolak dari apa yang berlaku di persekitaran kita. Para pelukis mahupun artis sememangnya kelihatan lebih maju ke hadapan dan penguasaan pemikiran yang berkaitan dengan penghasilan sesuatu karya seni. Hal ini adalah disebabkan sifat kepekaan dan nilai institusi yang sentiasa bergerak dengan lancar. Pengulangan kembali gaya persembahan lalu kadangkala dapat diterima sebagai idea baru bagi pelukis generasi sekarang. Sesuatu karya dilihat pada ideanya tanpa terikat kepada subjek yang ditonjolkan. Walaupun secara visual dipersembahkan watak yang serupa, namun apa yang diperkatakan hanyalah idea dan konsep yang diketengahkan. Apabila masih terdapat lagi pelukis-pelukis dengan gaya *Realisme*, tidak semestinya ada tanggapan yang mengatakan nilai seni itu sudah ketinggalan zaman atau hanya mengulang teknik-teknik lama.

Mengikuti disiplin *Realisme*, seseorang artis atau pelukis lebih cenderung untuk mengekalkan apa yang dilihat, dan merakamkannya kembali dalam bentuk persembahan ke atas kanvas atau sebagainya. Mengikuti Aristotle, beliau menyatakan bahawa kewujudan seni adalah suatu perasaan dan bukan hanya menyalin kembali apa yang dilihat tetapi harus memikirkan keindahan yang ditampilkan daripadanya.

Menikmati atau menilai seni lukis *Realisme* tidaklah mendatangkan kesukaran bagi seseorang penghayat seni. Gaya atau bentuk persembahan adalah meliputi objek yang berada di sekeliling kita sehari-hari. Artis atau pelukis *Realisme* cuba mengadaptasikan keindahan di sekeliling dan kehidupan yang dilalui sebagai subjek di dalam karya.

Mengikuti Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat, *Realisme* ditafsirkan sebagai orang yang berpegang kepada kenyataan dan berkomunikasi dalam keadaan yang sebenarnya. Menjurus kepada tafsiran *The Penguin Dictionary of Art and Artists*, *Realisme* ditafsirkan sebagai:

“Realism as an aesthetic watchword does not go any further back than COURBET, and in the visual arts, as in literature, it generally signifies the search for the squalid and depressing as a means of life-enhancement. It is in fact the total repudiation of Ideal Art (which in the mid of 19th century was necessary).